



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : JBPM/IP/OPS: 1/1/3 Jld. II (27)

Tarikh : 23 Disember 2020

SENARAI EDARAN

YS Dato' / Tuan / Puan,

PENYELARASAN TINDAKAN OPERASI POKOK TUMBANG, KENDERAAN ATAU PREMIS TERKUNCI DAN KEMALANGAN LEBUHRAYA DI LALUAN BERTENTANGAN

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas dan memo daripada Unit Integriti no. rujukan JBPM/IP/UIN:100 (S)-2/3/1/265 (11) bertarikh 11 Disember 2020 serta syor daripada YAS Ketua Pengarah berhubung operasi pokok tumbang, kenderaan / premis terkunci dan kemalangan lebuhraya jalan bertentangan adalah berkaitan.

2. Secara umumnya, Jabatan tiada halangan untuk melaksanakan tindakan operasi kecemasan yang boleh mengancam nyawa, ketenteraman awam, harta benda, dan alam sekitar. Penyelarasan tindakan operasi adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Insiden	Penyelarasan Tindakan Operasi
1.	Pokok tumbang	1.1 Bagi situasi bukan kecemasan, Pusat Gerakan Operasi Negeri dan / atau Bilik Kawalan Balai perlu menghubungi pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan kes pokok tumbang. 1.2 Sekiranya pihak PBT tidak dapat dihubungi, Pusat Gerakan Operasi Negeri atau Bilik Kawalan Balai boleh menggunakan pertimbangan operasi dengan mengambil kira jarak tempat kejadian dari balai adalah munasabah dan menggerakkan pasukan keluaran operasi kedua (keutamaan kepada PKO kedua) di balai berkenaan.

'CEPAT DAN MESRA'



		1.3 Sila rujuk lampiran 1 Arahan Ketua Pengarah Bilangan 3 Tahun 2011 - Penggunaan Jentera Bomba/Utiliti Bagi Tujuan Pemeriksaan dan Ujian Pili Bomba, Pembiasaan Kawasan Serta Tugas Khas Lain-lain.
2.		2.1 Bagi situasi bukan kecemasan, Pusat Gerakan Operasi Negeri dan / atau Bilik Kawalan Balai boleh menggunakan pertimbangan operasi dengan mengambil kira jarak tempat kejadian dari balai adalah munasabah dan seterusnya menggerakkan pasukan keluaran operasi (keutamaan kepada PKO kedua) balai berkenaan.
	Kenderaan atau premis terkunci	2.2. Sila rujuk lampiran 1 Arahan Ketua Pengarah Bilangan 3 Tahun 2011 - Penggunaan Jentera Bomba/Utiliti Bagi Tujuan Pemeriksaan dan Ujian Pili Bomba, Pembiasaan Kawasan Serta Tugas Khas Lain-lain.
3.	Kemalangan jalanraya di lebuhraya pada laluan bertentangan	3.1 Tindakan awal Pusat Gerakan Operasi Negeri dan atau Bilik Kawalan Balai: 3.1.1 Menghubungi pihak polis dan pihak konsesi lebuhraya bagi memohon bantuan mengawal lalu lintas; 3.1.2 Pusat Gerakan Operasi Negeri mesti memaklumkan Komander Operasi yang mengetuai operasi supaya keselamatan anggota dan aset Jabatan diutamakan sebelum operasi dilaksanakan; 3.2 Tindakan Komander Operasi di tempat kejadian yang mesti diambil adalah seperti berikut: 3.2.1 Perlu menggunakan pertimbangan operasi dalam membuat keputusan untuk melaksanakan operasi di laluan bertentangan

		sekiranya pihak polis atau pihak konsesi lebuhraya belum tiba atau tidak berada di lokasi, berdasarkan kepada faktor berikut: i. Insiden yang dihadapi jika tidak ditangani dengan pantas berkemungkinan menjadi lebih besar dan mengancam nyawa, ketenteraman awam, harta benda dan alam sekitar;
		ii. Tiada balai terdekat yang sehalu dengan tempat kejadian; iii. Simpang untuk pusingan terlalu jauh dan melambatkan <i>response time</i>. 3.3.2 Meletakkan kenderaan di lorong kecemasan atau di tempat yang selamat dengan mengambil kira konsep SAVER; 3.3.3 Meletakkan kon keselamatan pada jarak yang selamat; 3.3.4 Memberi taklimat dan merangka strategi awal di dalam perjalanan (<i>assumption situation</i>); 3.3.5 Mengarahkan sebahagian daripada kekuatan anggota pasukan keluaran operasi sebagai contoh; dua (2) anggota bersedia dengan dua (2) alat pemadam api.

2. Arahan ini hendaklah dibaca bersama-sama:

2.1. Arahan Ketua Pengarah Bilangan 3 Tahun 2011 - Penggunaan Jentera Bomba/Utiliti Bagi Tujuan Pemeriksaan dan Ujian Pili Bomba, Pembiasaan Kawasan Serta Tugas Khas Lain-lain.

2.2. Prosedur Operasi Seragam (POS) 6.4 Khidmat Kemanusiaan Penghapusan Sarang Tebuan dan Lebah Tahun 2011;

2.3. Prosedur Operasi Seragam (POS) 6.6 Khidmat Kemanusiaan Menangkap Ular Tahun 2013;

2.4. Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 8 Tahun 2019 – Kemalangan Jalanraya;


2.5. PTKP Bil. 7 Tahun 2020 - Operasi Kemalangan Jalanraya Electric Vehicle (EV) & Hybrid Electric Vehicle (HEV)

3. Sehubungan dengan itu, arahan ini hendaklah dipatuhi dan menjadi tanggungjawab pihak YS Dato' / Tuan / Puan memaklum dan memberikan penjelasan kepada pegawai serta anggota di bawah pentadbiran masing-masing berkenaan hal ini. Perhatian serta kerjasama pihak YS Dato' / Tuan / Puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI MOHAMMAD HAMDAN BIN HAJI WAHID)

Ketua Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

s.k. Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

SENARAI EDARAN DALAMAN

1. YS Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran
2. YS Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran
3. YS Pengarah Bahagian Latihan
4. YS Pengarah Bahagian Udara
5. YS Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
6. YS Pengarah Bahagian Pembangunan
7. YS Pengarah Bahagian Pengurusan Korporat
8. Pengarah Bahagian Pengurusan
9. Pengarah Bahagian Kejuruteraan Jentera
10. Ketua Unit Integriti
11. Ketua Unit Kompetensi
12. Ketua Unit Pengesan
13. Pegawai Memerintah Pangkalan Udara Subang
14. Pegawai Memerintah Pangkalan Udara Bertam

SENARAI EDARAN NEGERI

1. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur
2. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor
3. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor
4. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Pulau Pinang
5. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang
6. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak
7. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah
8. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah
9. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak
10. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan
11. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu
12. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan
13. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka
14. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perlis
15. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Labuan
16. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Putrajaya

SENARAI EDARAN AKADEMI

1. YS Komandan Akademi Bomba dan Bomba Penyelamat Malaysia Wilayah Tengah
2. YS Komandan Akademi Bomba dan Bomba Penyelamat Malaysia Wilayah Timur
3. YS Komandan Akademi Bomba dan Bomba Penyelamat Malaysia Wilayah Utara
4. YS Komandan Akademi Bomba dan Bomba Penyelamat Malaysia Wilayah Sarawak
5. YS Komandan Akademi Bomba dan Bomba Penyelamat Malaysia Wilayah Sabah